



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PUSPAL ingin menyatakan seperti berikut sebagai maklum balas kepada kenyataan oleh Raaghav Productions berhubung dengan perubahan masa persembahan SPB's Live In Concert Illaya Nila pada Sabtu, 31 Ogos 2019.

PUSPAL **TIDAK PERNAH** memberikan sokongan untuk penganjuran acara tersebut dari jam 7 malam hingga 11 malam pada 31 Ogos 2019.

Permohonan daripada penganjur untuk mengadakan konsert tersebut pada jam 7 malam pada tarikh yang berkenaan **HANYA DITERIMA** oleh PUSPAL pada 31 Julai 2019.

Berdasarkan maklumat daripada penganjur yang dikemukakan kepada JAKIM melalui surat bertarikh 13 Ogos 2019, didapati jualan tiket untuk konsert tersebut telah bermula dari bulan Mac 2019 lagi, iaitu **SEBELUM** permohonan tersebut dikemukakan kepada PUSPAL.

PUSPAL ingin mengingatkan bahawa pihak penganjur **TIDAK SEPATUTNYA** memulakan jualan tiket untuk sebarang acara **SEBELUM** kebenaran pihak berkuasa yang berkenaan diperolehi termasuklah surat sokongan daripada PUSPAL.

Permohonan tersebut telah ditolak berdasarkan pandangan dan nasihat JAKIM supaya pemohon dapat meminda tarikh konsert tersebut kepada tarikh lain yang lebih sesuai. Ini kerana tarikh 1 Muharram bermula pada terbenamnya matahari pada 31 Ogos 2019 sehingga terbenamnya 1 September 2019.

Penganjur kemudiannya telah mengemukakan rayuan dan menjelaskan bahawa mereka telah memulakan penjualan tiket dan membuat perbelanjaan untuk konsert tersebut **SEBELUM** kelulusan diperoleh.

Bagi membantu penganjur dengan mengambil kira kesulitan yang telah mereka alami kerana telah memulakan jualan tiket sebelum mendapat kelulusan, PUSPAL telah bersetuju untuk membenarkan mereka untuk mengadakan konsert pada 31 Ogos 2019 tetapi **DIAWALKAN** ke jam 3 petang sehingga 7 malam.

Penganjur telah bersetuju dengan perkara ini. Oleh yang demikian, adalah **TIDAK WAJAR** untuk mewujudkan persepsi yang kurang menyenangkan bahawa konsert tersebut telah diubah masa atas arahan PUSPAL.

PUSPAL dengan ini ingin menegaskan sekali lagi bahawa para penganjur tidak sepatutnya memulakan jualan tiket dan promosi untuk apa jua acara **SEBELUM** kelulusan diperoleh kerana kelulusan tersebut bukanlah diberi secara automatik dan sekiranya kelulusan tidak diberikan, acara tersebut tidak akan dibenarkan untuk diadakan. Perlu diingatkan di sini bahawa para penganjur yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan dan meneruskan tindakan tanpa memperoleh surat sokongan rasmi JK-PUSPAL adalah di atas risiko penganjur.

Dalam kes ini, adalah tidak wajar untuk mana-mana pihak menyalahgunakan keputusan PUSPAL yang meluluskan rayuan penganjur untuk mengadakan konsert tetapi diawalkan masanya, terhadap PUSPAL.

Jawatankuasa PUSPAL

Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)

26 Ogos 2019

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi Jawatankuasa PUSPAL di talian 03-89115355/5384/5362/5361.